



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 25/4/2014       |

# Kerajaan tidak tolak hudud

UM - 25/4/2014

Oleh **JAMLI AH ABDULLAH**  
utusankedah@utusan.com.my

**ALOR SETAR** 24 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan kerajaan tidak pernah menolak hudud sebagai hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Namun, kata beliau, banyak kekangan dan keutamaan yang perlu diselesaikan dan diperhalusi sebelum hukum hudud itu dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan matla-

mat hukum yang sebenar.

"Terdapat perbezaan yang cukup ketara antara menolak hukum hudud dengan tidak melaksanakannya kerana kekangan dan kesulitan yang pelbagai.

"Sebab itulah kita memerlukan ulama di kalangan mujtahid untuk memperhalusi dan melakukan ijtihad baru dalam menentukan pelaksanaan hukum hudud supaya keadilan yang menjadi matlamat mampu ditegakkan," katanya ketika berucap di majlis penutupan Ijtimak Pondok

Malaysia 2014 di Dewan Seri Mentoloon di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyokong niat baik pihak mana sekalipun untuk melaksanakan hukum hudud tetapi ia perlu mengambil kira hal-hal lain yang menuju ke arah Islam yang sejati.

"Sebelum melaksanakan hudud, pastikan masyarakat Islam bersedia untuk melaksanakannya baik dari segi pemahaman, penghayatan, mental mahupun pemikiran.

"Begitu juga dengan masyarakat

bukan Islam, perlu diberi kefahaman yang betul dan menyeluruh tentang hukum-hakam Islam supaya tidak wujud pandangan yang salah terhadap ajaran Islam yang suci ini," katanya.

Tambah beliau, pada masa yang sama, kerajaan istiqamah memartabatkan syiar serta syariat Islam dan mengamalkan pendekatan wasatiah yang bercirikan keadilan, kece merlangan dan keseimbangan.

"Kerajaan juga komited melaksanakan Maqasid Syariah di

dalam sistem pentadbiran negara (menjaga dan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

"Sebagai ajaran agama samawi, syariat dan akidah bergandingan menjadi teras dalam Islam. Dalam syariat, inilah intipati teras daripada Allah SWT untuk membimbing manusia dalam mengarahungi kehidupan bersosial, berpolitik dan menjalankan misi khalifah di atas muka bumi. Ini termasuklah hukum hudud yang kembali hangat diperbincangkan," katanya.